

# SIKAP MOHD NASIR DIKESALI

**KUALA LUMPUR,**  
Rabu — Timbalan  
Persuruhjaya Ber-  
jasa Kelantan, En-  
cik Ismail Abdullah,  
secara terbuka  
membidas Presi-  
dennya, Datuk Haji  
Mohamad Nasir, ke-  
rana dikatakan  
bersikap tidak  
bertanggungjawab  
kepada parti.

Bellau menegaskan,  
kekalahannya Berjasa di  
Kelantan bukan di-

Oleh **JAMALUDIN BAKAR**

sebabkan dua tokoh  
Berjasa yang keluar  
parti — Encik Ibra-  
him Ali dan Encik Ab-  
dul Rahman Salleh —  
tetapi sikap Datuk  
Haji Mohamad sen-  
diri.

Katanya, Datuk Haji  
Mohamad tidak pernah  
berkempen di kawasan  
yang ditandingi oleh  
calon Berjasa.

"Datuk Haji Mohamad

sejaga mengeneapkan  
kepentingan calon-calon  
Berjasa dan sebaliknya  
berkempen bersungguh-  
sungguh di kawasan  
bukan ditandingi oleh  
calon Berjasa," tegas  
bellau.

Encik Ismail yang ke-  
sal dengan kenyataan  
Datuk Haji Mohamad  
yang mengalu-alukan  
tindakan Encik Ibrahim  
dan Encik Abdul  
Rahman keluar parti itu

berkata: "Perkataan  
*mengalu-alukan* tidak  
tepat digunakan kerana  
ia seolah-olah satu sikap  
yang agak 'kurang ajar'.

## Silap

Dengan demikian,  
tegas bellau, sebelum  
menuduh sebarang  
orang lain, Datuk Haji  
Mohamad mesti  
memikirkan kesilapan-  
kesilapan yang telah  
dilakukannya terlebih  
dahulu.

Encik Ismail juga  
menyalahkan Datuk Haji

Mohamad kerana  
mengeneapkan tokoh-  
tokoh berkali-kali dari  
bertanding dalam pli-  
hanraya umum lalu atas  
tiket Berjasa.

Katanya, tokoh-tokoh  
yang dikatakan akan  
menang dalam pli-  
hanraya umum kali ini  
itu menang meleset  
sekali memandangkan  
Berjasa hanya menang  
empat dari 10 kerusi  
yang dipertandingkan.

Bellau juga  
menyalahkan Datuk Haji  
Mohamad menyebabkan  
dua kertas pencalonan  
parti itu ditolak kerana  
belleau dikatakan tidak  
menyemak kertas pen-  
calonan itu terlebih  
dahulu.

Encik Ismail yang  
berjuang dalam Berjasa  
sejak parti itu  
ditubuhkan 1978 lalu  
menegaskan,  
kemosrotan undi yang  
diperolehi amat ketara  
dalam pilihanraya  
umum kali ini berband-  
ing dengan pilihanraya  
1978.

Sementara itu,  
setiausaha Berjasa  
Bahagian Nilam Puri,  
Encik Mohd. Zain Sulong,  
ketika mengulas keny-  
ataan Datuk Haji  
Mohamad Nasir itu  
berkata, sepatutnya  
setiap ahli Berjasa ja-  
ngan bercakap banyak  
tetapi membuat kerja  
yang harus dibuat bagi  
menyelamatkan parti  
Berjasa.

Encik Ibrahim Ali  
pula menegaskan, bellau  
keluar Berjasa bukan ke-  
rana berkrisis dengan  
Datuk Haji Mohamad  
Nasir tetapi dengan  
kerelaan sendiri.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia